

549:  
MAHATHIR

1973

BUTTERWORTH, 8 JULAI (BERNAMA) — KERAJAAN TELAH DISERU SUPAYA MENETAPKAN HARGA MINIMA PADI SEKURANG-KURANGNYA \$20 SEPIKUL DI SELURUH NEGARA UNTUK MEMBOLEHKAN PETANI-PETANI MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA.

SYOR TERSEBUT TELAH DIBUAT OLEH SEORANG AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI UMNO MALAYSIA, SENAYOR MAHATHIR BIN MOHAMED, KETWA MERESMIKAN RUMAH UMNO CAWANGAN TELOK AYER TAWAR, ENAM BATU DARI SINI HARI INI.

SEBELUM ITU BELIAU TELAH MEMUJI LANGKAH LEMBAGA PADI DAN BRAS NEGARA YANG MENAIKKAN HARGA MINIMA PADI DARI \$19 HINGGA \$23 SEPIKUL DI KAWASAN MUDA DAN KEMBU.

BAGAIMANA PUN BELIAU MENYATAKAN BAHAWA DI SEBERANG PERAI DAN DI TEMPAT-TEMPAT LAIN, HARGA MINIMA PADI MASIH JUGA \$16 SEPIKUL.

BELIAU BERKATA, DI SEBERANG PERAI KEDUDUKAN HARGA PADI ADALAH BERGANTUNG KEPADA DELAS KASIHAN PEMBELI-PEMBELI PADI YANG KBANYAKKANNYA TERDIRI DARI PARA PENGILANG.

KATANYA, SUNGGUHPUN BEGITU ADA ANTARA PENGILANG-PENGILANG MENDEKLI PADI LEBIH DARI \$20 SEPIKUL KERANA SIMPATI MEREKA PADA PETANI-PETANI.

+BAGAIMANAPUN, SAYA RASA ADALAH LEBIHADIL KERAJAAN MENETAPKAN HARGA MINIMA SEKURANG-KURANGNYA \$20 SEPIKUL MEMANDANG JASA YANG DIBUAT OLEH PETANI-PETANI KEPADA NEGARA INI,+ KATANYA.—BERSAMBUNG 1450/MM

550:  
MAHATHIR 2 BUTTERWORTH

DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENEGOR KAUM BELIA BUMIPUTERA YANG TIDAK MAHU MEREBUT PELUANG PEKERJAAN YANG DITAWARKAN DENGAN ALASAN-ALASAN YANG TERTENTU.

BELIAU TELAH MENYEBUT KISAH RAMAI BELIA BUMIPUTERA YANG ENGGAN BEKERJA DI LADANG PERUSAHAAN TEBU USAHA BERSAMA FELDA DAN SWASTA DI PERLIS KERANA TIDAK SANGGUP BEKERJA DI LADANG DAN DI KILANG TEBU.

TINDAKAN TERSEBUT, MENURUTNYA, ADALAH MENDUKACITAKAN DAN BELIAU MENEGASKAN KEJAYAAN TIDAK AKAN TERCAPAI JIKA BELIA-BELIA BUMIPUTERA TIDAK SANGGUP MENLUPUH KERJA-KERJA YANG TIDAK MENYENANGKAN MEREKA.—BERNAMA 1450/MM